

27 AUG 1996

Sanusi-Lada

ADUN PADANG MATSIRAT DILANTIK ANGGOTAI LEMBAGA PENGARAH LADA

LANGKAWI, 27 Ogos (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Padang Matsirat, Haji Md Hassan Bulat telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid yang mengumumkan perlantikan itu malam tadi berkata ia dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia berkuatkuasa 1 Ogos lepas.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas pertemuan dengan pemimpin masyarakat Langkawi dan pegawai kerajaan di sini, Sanusi berkata Md Hassan menggantikan tempat beliau kerana beliau kini menjadi pengerusi bersama Lada, jawatan yang dikhaskan kepada Menteri Besar Kedah. Seorang lagi pengerusi bersama Lada ialah Tun Daim Zainuddin.

Sanusi berkata perlantikan Md Hassan amat tepat kerana ini bermakna kedua-dua wakil rakyat di pulau percutian bebas cukai ini kini menganggotai lembaga pengarah Lada. Sanusi adalah Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah.

Katanya ini akan membolehkan mereka membantu Lada mencapai wawasannya dengan tidak "menganak-tirikan" kebajikan penduduk Langkawi.

Beliau berkata mereka akan memastikan kepentingan penduduk Langkawi terjamin dan cita-cita Lada dicapai dengan kedua-dua pihak menikmati faedah bersama.

Sanusi juga berkata kerajaan negeri menyokong sebarang usaha untuk mewujudkan perkhidmatan feri penumpang yang boleh menawarkan tambang yang lebih murah.

Katanya jika ada pihak yang berminat dan mampu menawarkan tambang lebih murah berbanding sekarang, kerajaan negeri akan membantu memudahkannya untuk mendapatkan lesen mengendalikan feri.

"Kita sedia membantu dan menyokong usaha ini. Asalkan mereka dapat menawarkan tambang yang lebih murah daripada sekarang, silalah datang berjumpa dengan kami," katanya.

Sanusi berkata tawaran itu patut dilihat sebagai satu cabaran kepada mereka yang tidak putus-putus mendesak kerajaan meminta syarikat yang mengendalikan perkhidmatan feri dari sini ke Kuala Kedah dan Kuala Perlis menurunkan semula tambang.

"Mereka inilah yang patut tampil kerana mereka nampaknya mempunyai cara untuk menawarkan perkhidmatan feri dengan tambang yang murah.

"Saya tidak peduli sama ada mereka akan menggunakan kapal layar atau apa sahaja asalkan tambangnya murah dan saya akan menjadi penumpang pertama perkhidmatan mereka," katanya.

Tambang feri dari sini ke Kuala Kedah telah dinaikkan RM2 kepada RM15 manakala tambang ke Kuala Perlis sekarang ialah RM13. Kadar tambang baru ini berkuatkuasa Mei lepas.

Perkhidmatan feri ke kedua-dua destinasi ini dikendalikan oleh Lada Holdings Sdn Bhd, anak syarikat Lada, Kuala Perlis Langkawi Ferry Services Sdn Bhd dan Samavest Sdn Bhd.

Umno Bahagian Langkawi pada mesyuarat perwakilannya Julai lepas telah meluluskan usul meminta kerajaan mengkaji semula kadar baru itu yang didakwa sebagai terlalu tinggi.

Bagaimanapun menurut Lada kenaikan itu tidak dapat dielakkan untuk menanggung kos penyenggaraan feri yang meliputi alat gantian yang meningkat kerana perbezaan tukaran wang asing yang amat ketara.

Tambahan pula, menurut lembaga itu tambang berkenaan tidak pernah

dinaikkan sejak 10 tahun lepas. -- BERNAMA
ZAA NMO